

TARIKH : 8 FEBRUARI 2023
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 37

IPP berkembang 6.9% 2022



SEKTOR pembuatan terus menyokong pertumbuhan IPP tahun lalu. – GAMBAR HIASAN

Nilai jualan sektor pembuatan naik 15.8 peratus kepada RM1.8 trilion

IPP berkembang 6.9% 2022

PETALING JAYA — Momentum positif Indeks Pengeluaran Perindustrian Malaysia (IPP) berterusan pada Disember 2022 didorong oleh pengembangan dalam sektor pembuatan dan perlombongan, menurut Jabatan Perangkaan.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata, IPP tumbuh tiga peratus pada Disember selepas mencatatkan peningkatan 4.8 peratus pada November 2022.

"Pengembangan pada bulan Disember 2022 dipacu oleh in-

deks perlombongan (4.1 peratus) dan indeks pembuatan (tiga peratus), manakala indeks elektrik (4.5 peratus) dan indeks perlombongan (2.8 peratus) menyokong pertumbuhan pada tahun 2022," jelasnya.

"Dari segi perbandingan bulan ke bulan, IPP merosot 0.6 peratus berbanding pertumbuhan 0.9 peratus dicatatkan pada bulan sebelumnya," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Merumuskan mengenai prestasi IPP tahun lalu, Ketua Perangkawan berkata, IPP berkembang 6.9 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya

(2021: 7.2 peratus).

"Kenakan dalam indeks pembuatan (8.2 peratus), indeks elektrik (4.5 peratus) dan indeks perlombongan (2.8 peratus) menyokong pertumbuhan pada tahun 2022," jelasnya.

Sementara itu, dalam perkembangan berkaitan, Jabatan Perangkaan memaklumkan bahawa nilai jualan bagi sektor pembuatan Malaysia berkembang 8.6 peratus tahun ke tahun pada Disember lalu untuk mencapai prestasi keseluruhan mencecah RM1.8 trilion pada tahun 2022.

Menurut Mohd. Uzir, nilai jualan sektor pembuatan mencatatkan RM1,800.7 bilion tahun lalu, melonjak 15.8 peratus berbanding tahun 2021.

"Pada tahun berkenaan, bila-nan pekerja bagi sektor ini bertambah sebanyak 3.4 peratus untuk merekodkan seramai 2.34 juta orang dengan gaji dan upah meningkat 5.2 peratus kepada RM94.5 bilion.

"Selanjutnya, nilai jualan per pekerja mencatatkan pertumbuhan 12.1 peratus, berjumlah RM771,048," katanya.